

## **KLIA2 tidak akan ditukar nama – Tiong Lai**

---

KUALA LUMPUR 22 Jun – Kerajaan menegaskan KLIA2 tidak akan ditukarkan nama kepada Terminal Penerbangan Tambang Murah 2 (LCCT2), sebaliknya nama tersebut akan kekal digunakan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, perkara tersebut adalah tidak relevan kerana KLIA2 telah didaftarkan sebagai sebahagian daripada kod rasmi KLIA, iaitu ‘KUL’ di bawah Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA).

Menurut beliau, pihaknya yakin cadangan pertukaran nama sebenarnya tidak praktikal selain tidak mempunyai sebarang keperluan untuk berbuat demikian ketika ini.

“KLIA2 telah didaftarkan di bawah IATA, tidak ada sebarang kepentingan untuk menukar nama itu kini. Nama tersebut tidak boleh ditukar-tukar begitu sahaja. Kita tidak nampak sebarang kewajaran untuk berbuat demikian juga.

Nama ini akan terus kekal,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini. Baru-baru ini, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes menyatakan hasrat untuk menukar nama KLIA2 kepada LCCT2 kerana mahu mempromosikan terminal itu sebagai hab penerbangan tambang murah untuk ke mana sahaja di Asia.

Walau bagaimanapun, MAHB memberitahu, KLIA2 bukan sebuah lapangan terbang bebas mahupun hab, sebaliknya ia adalah terminal kedua untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan merupakan komponen penting dalam hab KLIA, malah menjadi satu kesalahan dalam undang-undang penerbangan untuk berbuat demikian.

Tambah Tiong Lai, pihaknya juga sedar dengan komitmen serta hasrat AirAsia yang mahu membawa pembaharuan serta penjenamaan semula sebagai sebahagian daripada usaha mereka untuk membawa masuk lebih ramai pelancong ke negara ini.

“Kami komited untuk terus menyokong usaha AirAsia dan menyediakan insentif seperti itu bagi menggalakkan pertumbuhan sektor syarikat penerbangan tambang murah Malaysia, pintu untuk sebarang perbincangan adalah sentiasa terbuka,” ujarnya.

Tiong Lai menasihatkan semua pihak yang berbalah supaya lebih fokus dan berganding bahu bersama-sama untuk membangunkan industri penerbangan ke peringkat yang lebih tinggi dari sekarang.

“KLIA2 menjadi sebahagian daripada rancangan kerajaan sebagai hab penerbangan dalam rantau dan peringkat antarabangsa, malah KLIA, KLIA2 dan KLIA Aeropolis berperanan penting untuk membangunkan sistem KLIA Hab Bersepadu,” katanya.